



KERATAN AKHBAR



SURAT KHBAR	:	THE STAR (STARMETRO)			
TARIKH	:	11/6//2013	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JKPTG / PEJABAT TANAH			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Encroached: It is believed the clearing of the land started two years ago and there was an excavator equipped with a hammer to break the quartz stones.



Action will be taken

Culprits stealing from state land will face consequences, says Khalid



Key component in making devices: Nor Hisham (right) inspecting the site. The ridge has milk quartz stones (right), which is the most common variety. The excavator is used to break the stones into pieces.

Stories by **STUART MICHAEL**

metro@thestar.com.my

Photos by **SHAHRUL FAZRY ISMAIL**

SELANGOR Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim has assured that the Klang Gates Quartz Ridge would not be mined and stern action would be taken against those stealing quartz stones from the area.

He said the state would take the culprits to court if they were found stealing and encroaching into state land.

"Quartz stones are precious as they are a key component in the making of devices such as smartphones and tablets.

Khalid pointed out the Klang Gates Quartz Ridge was named a heritage park two years ago. The ridge stretches for about 14km from Klang Gates to Gombak and is 200m wide.

"The ridge will be preserved for future generations and not mined.

"The state will allow mining of quartz stones provided approval has been given," said Khalid after the closing ceremony of the second Syariah Court Games held at Universiti Kebangsaan Malaysia in Bangi on Sunday.

Khalid was referring to a recent raid conducted by the Gombak Land Office and Selayang Municipal Council (MPS) at a dumpsite near the MRR2, during which the authorities caught operators

> SEE NEXT PAGE

Encroached quartz ridge must be rehabilitated

THE land below the Klang Gates Quartz Ridge in Gombak needs to be rehabilitated if there is any possibility of the area being made a Unesco World Heritage Site.

"The trees and hillslopes surrounding the Klang Gates Quartz Ridge which have been encroached

must be rehabilitated before the papers can be submitted to Unesco," said state Town and Country Planning Department deputy director Norasiah Bee Mohd Haniff.

Norasiah added that the state had protected the ridge by making it a Heritage Park two years ago.

She expressed shock at the extent of damage to the ridge.

"Quartz stones cannot be mined at this site but it is being stolen," she said.

"There should be a buffer zone which should be monitored via satellite at all times by the state gov-

ernment and the Gombak Land Office."

She also expressed concern as the Klang Gates dam which holds millions of litres of water could be damaged, threatening the safety of the people and the environment, if the ridge is mined further.



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	13/6/2013	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	TANAH / UMUM		
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN		

'Henti bina rumah mewah'

Kerajaan perlu beli tanah swasta untuk bina rumah mampu milik

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Kerajaan perlu menghentikan pembangunan kediaman mewah di ibu kota, bagi memberi ruang membina sebanyak mungkin perumahan mampu milik di lokasi lebih strategik untuk dimiliki oleh warga kota khususnya golongan muda berketularga.

Pembangunan di ibu negara kini juga dilihat sudah mencapai tahap selesa, justeru pembinaan rumah buat warga kota perlu menjadi fokus dan agenda utama kerajaan biarpun terpaksa mengemukakan perbelanjaan ratusan juta ringgit untuk membeli tanah milik swasta demi mencapai matlamat itu.

Ahli Parlimen Tiwiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata, sudah tiba masanya perkara ini diberi perhatian serius oleh pihak yang mempunyai kuasa eksekutif, jika tidak mahu berdepan 'kehilangan' tenaga kerja muda yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi bandar.

Menurutnya, ini kerana, ketidakmampuan golongan itu memiliki rumah di Kuala Lumpur ditambah pula dengan caj sewa mahal, membuatkan mereka terpaksa tinggal di ping-



Johari (tengah) ketika ditemu bual semasa menjadi jemputan dalam segmen 'Kopi O Biskut Kering', di konti radio Urban Youth FM, di ibu negara, malam kelmarin.

gir bandar dan menaksa mereka menanggung kos perjalanan tinggi.

"Kita faham, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ada rancangan pembangunan bandar, begitu juga dengan sektor swasta yang ada rancangan membangunkan tanah mereka berbandaskan keuntungan. Jadi, tidak boleh memaksa mereka bina rumah kos rendah dan mampu milik. Kerana itu, kerajaan perlu ke-

luar belanja beli tanah mereka untuk tujuan itu.

"Tanah-tanah DBKL yang masih ada mungkin tidak strategik untuk tujuan itu kerana ia perlu dilengkapi dengan akses pengangkutan awam untuk memberi kemudahan kepada golongan yang berpendapatan sederhana ini," katanya ketika sesi temu bual secara langsung menerusi segmen 'Kopi O Biskut Kering' di satu-

an radio internet, Urban Youth FM - Suara Belia Bandar, kelmarin.

Menurutnya, meskipun DBKL menyediakan perumahan dengan kadar sewa rendah, peluang untuk golongan tersebut memperolehnya amat tipis, berikutan kuantiti unitnya kini amat terhad dan tidak mencukupi.

Katanya, keadaan itu boleh diatasi dengan DBKL membuat banci-

an semula terhadap golongan penyewa yang sudah menetap sekian lama, untuk dilewati kembali kelayakan mereka.

"Perumahan semampurna ini dibina untuk golongan yang berpendapatan rendah, jadi peluang dalam tempoh lima tahun misalnya telah diberikan untuk mereka membina kehidupan kerana tidak mampu menyewa di luar. Selepas 10 tahun, tentunya ada yang sudah berketulargaan. Jadi DBKL perlu nasihatkan mereka ini untuk keluar.

"Beri peluang kepada warga kota lain yang tidak mampu untuk bina hidup mereka," katanya.

Johari menambah, beliau sentiasa tekankan kepada kerajaan berhubung perkara-perkara berkenaan, malah sudah lebih dua tahun lalu apabila diberi mandat menangkapi kepimpinan BN Tiwiwangsa.

"Kerana itu, sejak saya ambil alih BN Tiwiwangsa, sepegetahuan saya, tiada tanah dalam kawasan parlimen ini yang diluluskan DBKL untuk pembinaan kediaman mewah.

"Untuk pembangunan kampung, baru juga saya akan pastikan, jangan sampai pemilik tanah tidak duduk di situ, kerana ia penting untuk memper tahankan hak mereka," katanya.



KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	HARIAN METRO	MUKA SURAT	32
TARIKH	14/6/2013		
JABATAN	PEJABAT TANAH DAERAH		
KLASIFIKASI	PERHATIAN		

■ Individu jadikan tanah milik PTP sebagai tapak pelupusan sampah haram

Oleh Ardyhansah Amat
ardyhansah@mediapri-
ma.com.my
Gombak

Buat harta sendiri. Begitulah gambaran diberikan kepada individu yang menjadikan tanah lapang bersebelahan Sekolah Menengah Teknik Gombak di sini, sebagai tapak pembuangan sampah haram walaupun jelas tanah itu bukan milik mereka.

Lebih mengejutkan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) di bawah Kementerian Pendidikan itu termasuk tasik kecil di situ sewenang-wenangnya ditimbus dengan sampah-sarap dan tanah sehingga menyebabkan air tasik menjadi kehitaman.

Pengarah Penguatkuasa Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Azmi Ismail berkata, kegiatan itu beroperasi kurang setahun dan individu terbabit tidak pernah memohon kepada MPS untuk melakukan kerja pembuangan sampah dan menimbus tanah di kawasan itu.

"Ia cukup mengejutkan kerana mereka bertindak berani mencerooboh kawasan ini."

"Saya akan menghantar surat pemberitahuan kepada PTP berhubung tindakan mencerooboh bagi membo-

'Buat macam harta sendiri'

TASIK kecil ditimbus dengan sampah-sarap dan tanah menyebabkan air tasik menjadi kehitaman.

lehan mereka menjalani siasatan sebelum mengambil tindakan sewajarnya," katanya kepada media selepas mengetuai operasi bersepadu tapak pembuangan sampah haram, di sini semalam.

Selain kawasan itu MPS turut menyerbu dua lagi kawasan tanah persendirian berasingan yang terletak di Kampung Sungai Pusu dan Kampung Sungai Kertas.

"Bagaimanapun, ketika serbuan tadi (semalam) kami mendapati tapak pembuangan sampah Sungai Pusu tidak beroperasi seperti biasa."

"Terapi, di kawasan Kampung Sungai Kertas pula,

kerja menambak tanah di kawasan gaung (lereng bukit) giat dijalankan dan sebahagian besar kawasan itu sudah ditambak.

"Berdasarkan rekod, kawasan itu ditambak dan dijadikan tapak pembuangan sampah sejak empat tahun lalu."

"Malah MPS mengambil beberapa tindakan termasuk kompaun kerana kesalahan beroperasi tanpa kebenaran, tetapi pihak terbabit berdegil meneruskan kegiatan mereka," katanya.

Berdasarkan tinjauan, hampir separuh lereng bukit di situ ditimbus sehingga ia membentuk satu kawasan lapang yang terdedah (tanah

merah dan tiada pokok) melebihi saiz dua padang bola sepak di bahagian atas dan lereng bukit.

Tindakan itu cukup membahayakan kerana kawasan itu mudah terhakis sekiranya hutan lebat berlaku, ia boleh menyebabkan risiko tanah runtuh berskala besar berlaku pada masa akan datang.

Menurut Azmi lagi, beberapa rumah kongsi yang dihuni pendatang asing termasuk dari Indonesia dan Bangladesh dipercayai bekerja di tapak pelupusan

"Ia cukup mengejutkan kerana mereka bertindak berani mencerooboh kawasan ini"
Azmi Ismail

sampah haram berke-
naan turut
dibina di situ.

"Dalam kes ini, kami dapati tanah di kawasan itu dimiliki lebih dari seorang penama. Bagaimanapun, mereka membenarkan kerja pembuangan sampah dan tanah merah di situ."

"Tindakan ini membolehkan kawasan di situ diberikan tanpa pemilik perlu melakukannya sendiri," katanya.





SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	14/6/2013	MUKA SURAT	: 24
JABATAN	:	PEJABAT TANAH		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Kemiskinan keluarga Wan Abdul Rashid dapat perhatian

MAIK ganti rumah buluh

Oleh SAMSUL BAHARI MOHAMED
berita@kosmo.com.my

KUALA KRAI - Kemiskinan keluarga yang tinggal di dalam rumah dibuat daripada buluh di Kampung Lalang Jenal di sini bakal mendapat pembelaan.

Pengguna Daerah Dabong, Ab. Aziz Ibrahim berkata, pihaknya akan membina rumah baharu yang selesa kepada keluarga tersebut tidak lama lagi.

Menurutnya, pihaknya telah berbincang dengan Pejabat Tanah Kuala Krai dan hasil siasatan mendapati keluarga tersebut layak menerima bantuan.

"Kita akan letak kes tersebut sebagai keutamaan untuk mendapatkan bantuan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

"Sekiranya MAIK luluskan, rumah baharu akan dibina pada



awal tahun depan yang lengkap dengan bekalan elektrik.

"Keluarga ini layak menerima rumah baharu," katanya kepada *Kosmo!* ketika melawat keluarga tersebut di sini baru-baru ini.

Kosmo! pada 15 Mei lalu melaporkan, sebuah keluarga miskin yang tinggal di dalam rumah diperbuat daripada buluh di Kampung Lalang Jenal merayu bantuan orang ramai untuk memiliki rumah yang selesa.

Rumah itu didiami 11 beranak iaitu Wan Abdul Rashid Wan Abdullah, 47, bersama isteri, Zaharah Saleh, 48, dan tujuh anak mereka, seorang membantu serta

cucu berusia tiga tahun.

Mereka tinggal di rumah buluh itu lebih 30 tahun lalu tanpa bekalan elektrik dan hanya bergantung cahaya pelita pada waktu malam.

Lebih memeritkan, Zaharah kini terlanjar di wad Hospital Kuala Krai di sini kerana sakit buah pinggang.

Sementara itu, Wan Abdul Rashid melahirkan rasa syukur atas bantuan yang bakal diterimanya.

"Saya berterima kasih kepada *Kosmo!*, dan pengguna yang banyak membantu kami.

- "Sekiranya rumah tersebut siap dibina, anak-anak saya dapat belajar dan hidup dalam keadaan selesa," katanya.

Mereka yang ingin membantu keluarga itu boleh menghubungi saudara mereka, Siti Meriam di talian 011-2942 1576.



AB. AZIZ (dua dari kanan) berbual dengan Wan Abdul Rashid (belakang, kiri) di rumahnya di Kuala Krai, Kelantan semalam.